

1223/1  
Pendidikan  
Islam  
Kertas 1  
Ogos  
2019  
2 jam



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA  
SEKOLAH – SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2019

---

---

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Dua jam

---

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Bahagian A mengandungi 40 soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan di halaman 15.*
3. *Bahagian B mengandungi empat soalan subjektif. Jawab tiga soalan : Soalan nombor 1 dan soalan nombor 2 wajib dan pilih mana-mana satu soalan dari soalan nombor 3 dan soalan nombor 4. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam helaian tambahan yang disediakan.*
4. *Tuliskan nama dan angka giliran anda pada ruang yang disediakan di halaman 15.*
5. *Ceraikan kertas jawapan di halaman 15 daripada kertas soalan dan ikat bersama-sama kertas jawapan Bahagian B. Serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah



**Bahagian A**  
[40 markah]

Jawab **semua** soalan

**Soalan 1 hingga Soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D**. **Hitamkan** jawapan yang tepat dalam lampiran kertas jawapan yang disediakan.

Melakukan sesuatu untuk mendapatkan kepentingan diri sendiri atau memudaratkan orang lain.

- 1 Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian  
A riba  
B sihir  
C menipu  
D merompak
  
- 2 Berikut adalah hikmah pengharaman meminum arak **kecuali**  
A menyediakan tenaga kerja yang berkualiti bagi membangun negara.  
B menjamin keharmonian keluarga dan masyarakat.  
C mengelakkan penyakit merbahaya seperti AIDS.  
D membazir harta, masa dan tenaga.

Ajaran ini muncul di Iran pada tahun 1847M dan mula tersebar di Malaysia pada tahun 1953M oleh Yan Kee Leong.

- 3 Ajaran yang dimaksudkan di atas ialah \_\_\_\_\_.  
A Syiah  
B Bahai  
C Taslim  
D Qadiani

Insurans ini memberi perlindungan risiko keatas kematian dan hilang upaya.

- 4 Insurans diatas merujuk kepada insurans \_\_\_\_\_.  
A am  
B khas  
C nyawa  
D harta benda

[Lihat halaman sebelah



- Tidak melakukan Tawaf Wida'.
- Menunaikan Haji Qiran.

- 5 Jenis dam yang dikenakan bagi kesalahan haji di atas ialah \_\_\_\_\_.
- A Tertib dan Takdil  
B Tertib dan Takdir  
C Takhyir dan Takdil  
D Takhyir dan Takdir
- 6 Berdasarkan Akta Mahkamah Syariah (bidang kuasa jenayah) 1984, Mahkamah Syariah hanya diberi kuasa menjatuhkan hukuman sebat enam rotan atau denda sehingga \_\_\_\_\_.
- A RM 5000  
B RM 4000  
C RM 3000  
D RM 2000
- 7 Antara contoh syirik jali ialah \_\_\_\_\_.
- I mengagumi diri sendiri.  
II menunjuk-nunjuk kehebatan diri.  
III menyembah patung dan berhala.  
IV mengaku Nabi Isa a.s. anak tuhan.
- A I dan II  
B II dan III  
C III dan IV  
D I dan IV
- Melonggarkan syarat penggunaan harta baitulmal.
  - Sahabat tidak lagi dilarang meninggalkan kota Madinah.
  - Menetapkan bahawa al-Quran dibaca hanya menggunakan lajah Arab.
- 8 Pernyataan di atas adalah merujuk kepada polisi khalifah \_\_\_\_\_.
- A Abu Bakar as-Siddiq  
B Umar bin al-Khattab  
C Uthman bin Affan  
D Ali bin Abi Talib

[Lihat halaman sebelah



Cukai tanah yang dikenakan ke atas pemilik sama ada Islam atau bukan Islam.

9 Pernyataan di atas adalah merujuk kepada pengertian \_\_\_\_\_.

- A Fai'
- B Usyur
- C Jizyah
- D Kharaj

10 Berikut adalah hikmah beradab ketika berzikir **kecuali**

- A dikasihi Allah.
- B mendapat ketenangan jiwa.
- C mendidik jiwa sentiasa mengingati Allah.
- D melahirkan insan yang beradab sesama makhluk.

11 Antara berikut yang manakah tanggungjawab suami dalam rumah tangga.

- I Memberi nafkah zahir dan batin.
- II Memelihara dan mendidik anak-anak.
- III Memelihara kehormatan diri.
- IV Memberi didikan yang baik.

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

- Mengambil iktibar daripada peristiwa yang berlaku kepada Siti Hajar yang berusaha mencari air untuk anaknya Nabi Ismail.
- Mendidik manusia supaya tabah dan cekal dalam melakukan sesuatu pekerjaan.

12 Pernyataan di atas merujuk kepada \_\_\_\_\_.


- A sai'e
- B tawaf
- C wukuf
- D bercukur

[Lihat halaman sebelah




Seorang wanita haram dikahwini disebabkan hubungan penyusuan.

- 13 Antara syarat pengharaman hubungan tersebut ialah
- mempunyai hubungan kekeluargaan.
  - umur kanak-kanak melebihi dua tahun.
  - wanita yang menyusukan itu telah berkahwin.
  - menyusu sekurang-kurangnya lima kali kenyang.



- 14 W dalam rajah di atas ialah berjihad \_\_\_\_\_.
- mombaiki diri
  - melawan syaitan
  - melawan orang kafir harbi dan munafik
  - menghapuskan kezaliman dan kemungkarannya



- 15 X dalam rajah di atas ialah \_\_\_\_\_.
- tempoh masa
  - bayaran
  - kontrak
  - barang

[Lihat halaman sebelah



- 16 Program-program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Bani Abbasiyah dalam bidang sains dan teknologi ialah
- I mengadakan seminar perubatan pada setiap musim haji.
  - II menyediakan peruntukan yang banyak dalam bidang penyelidikan.
  - III membina balai cerap yang dilengkapi dengan peralatan khusus.
  - IV mendirikan lebih banyak pusat pengajian.
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV
- 17 Susunan wali yang tepat bagi perempuan yang kematian bapa dan datuk sebelah bapa ialah \_\_\_\_\_.
- A saudara lelaki seibu sebapa
  - B saudara lelaki sebapa
  - C saudara lelaki seibu
  - D datuk sebelah ibu


Samad telah menziharkan isterinya.

- 18 Berikut adalah tindakan yang perlu dilakukan oleh Samad untuk menarik balik lafaz ziharnya **kecuali**
- A memerdekakan seorang hamba.
  - B meminta maaf kepada isterinya.
  - C berpuasa selama dua bulan berturut-turut.
  - D memberi makan kepada enam puluh orang miskin.

[Lihat halaman sebelah



19



Siapakah tokoh Y ?

- A Imam Ahmad bin Hanbal rahimahullah.
- B Imam Abu Hanifah rahimahullah.
- C Imam al- Bukhari rahimahullah.
- D Imam al- Ghazali rahimahullah.

20

Ahmad melakukan pembedahan plastik terhadap bibirnya yang sumbing.

Apakah hukum perbuatan tersebut?

- A Makruh
- B Haram
- C Harus
- D Sunat


[Lihat halaman sebelah



## Soalan 21 hingga Soalan 25

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- 21 Ilmu \_\_\_\_\_ digunakan untuk tujuan tertentu seperti memudaratkan orang lain atau untuk menonjolkan kehebatan diri melalui bantuan makhluk halus.
- 22 Menyekutukan Allah SWT secara terang-terangan adalah maksud \_\_\_\_\_.
- 23 Individu yang telah disabitkan dengan kesalahan qazaf akan dikenakan hukuman \_\_\_\_\_.
- 24 Khawarij ialah golongan penyokong Saidina Ali yang berjuang menentang Muawiyah tetapi tidak menerima \_\_\_\_\_.
- 25 Melakukan perbuatan yang boleh memisahkan roh daripada jasad sendiri adalah merujuk kepada perbuatan \_\_\_\_\_.
- 26 Keengganan isteri menunaikan kewajipan terhadap suami tanpa alasan munasabah mengikut syarak adalah maksud \_\_\_\_\_.
- 27 Hukum melakukan ibadat korban bagi orang yang bernazar ialah \_\_\_\_\_.



- 28 Z dalam rajah di atas ialah \_\_\_\_\_.

[Lihat halaman sebelah



Soalan 29 hingga Soalan 30 merujuk kepada jadual di bawah.

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Nyatakan perbezaan antara sembelihan dan akikah berdasarkan jadual perbandingan berikut.

Sembelihan	Aspek	Akikah
29 _____	Hukum	Sunat muakad
Semua jenis binatang yang halal dimakan	Jenis Binatang	30 _____

### Soalan 31 dan Soalan 33

Pilih jawapan yang betul berdasarkan jadual di bawah.

saham	jual beli	syarikat	sewa
-------	-----------	----------	------

- 31 Satu perjanjian untuk memiliki manfaat dari suatu barang yang diterima daripada orang lain dengan bayaran yang sesuai. \_\_\_\_\_
- 32 Sejenis terbitan yang dikeluarkan oleh syarikat sebagai alat pemilikan. \_\_\_\_\_
- 33 Perjanjian perkongsian terhadap sesuatu perkara yang dilaksanakan antara dua pihak atau lebih. \_\_\_\_\_
- 34 Cara berjihad melawan kafir \_\_\_\_\_ dan orang munafik boleh dilakukan melalui harta, lidah, hati dan nyawa.
- 35
- Beriktikad bahawa Ali karramallahuwajhah dan imam-imam mereka sebagai tuhan.
  - Menghalalkan beberapa kemungkaran seperti minum arak.

Pernyataan di atas merujuk kepada pegangan utama \_\_\_\_\_:

- 36 Kitab al-Umm adalah antara kitab karya \_\_\_\_\_ yang terkenal.
- 37 Semenjak berumur 17 tahun, HAMKA telah melibatkan diri dalam kegiatan dakwah dengan menerbitkan majalah \_\_\_\_\_.

[Lihat halaman sebelah



Soalan 38 hingga Soalan 40

Pilih hukum yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan dalam jadual di bawah.

<b>makruh</b>	<b>haram</b>	<b>harus</b>	<b>sunat</b>
---------------	--------------	--------------	--------------

- 38 Hukum memakai bau-bauan bagi lelaki apabila hendak ke masjid adalah \_\_\_\_\_.
- 39 Hamid menjual buah durian yang masih berputik di pokok. \_\_\_\_\_
- 40 Salleh menceraikan isterinya yang solehah tanpa sebab yang dibenarkan syarak.  
\_\_\_\_\_

[Lihat halaman sebelah



## Bahagian B

[ 60 markah ]

Jawab **tiga** soalan

**Soalan 1, Soalan 2** mesti dijawab dan pilih mana-mana **satu** soalan daripada **Soalan 3** atau **Soalan 4**.

- 1 (a) Menagih dadah merupakan perbuatan yang boleh membawa kehancuran.
- (i) Apakah maksud dadah? [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** akibat penyalahgunaan dadah terhadap ekonomi negara. [4 markah]
- (b) (i) Ajaran sesat adalah ancaman kepada aqidah umat Islam.  
Nyatakan definisi ajaran sesat. [2 markah]
- (ii) Jelaskan bagaimanakah ajaran Bahai dan Taslim mendewa-dewakan pemimpin mereka. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** cara mengatasi ajaran sesat daripada terus berlaku. [4 markah]
- (c) Firman Allah SWT:

... وَالْفِتْنَةُ أَكْبَرُ مِنَ الْقَتْلِ ...


Maksudnya: " Dan fitnah itu lebih besar (dosanya) daripada membunuh."

( Surah al-Baqarah: 217)

Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan tersebut. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah





Melontar Jamratul Aqabah

- 2 (a) (i) Bilakah waktu harus bagi melaksanakan ibadat di atas? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** syarat sah ibadat tersebut. [2 markah]
- (iii) Jelaskan hikmah melakukan ibadat tersebut. [2 markah]

(b)

## JPN daftar anak angkat ikut fatwa

Kempen perjelas prosedur bin, binti bapa kandung

Oleh Norfatimah Ahmad  
hm@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sudah mula melaksanakan kempen untuk menjelaskan prosedur menamakan anak angkat kepada pasangan suami isteri yang mengemukakan permohonan siji anak angkat.

Pegawai Perhubungan Awam JPN, Jainisah Mohd Noor, berkata langkah itu dibuat berikutan keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan mengharamkan nama anak angkat digabungkan dengan nama bapa angkat, seperti yang dilaporkan *Berita Harian*, minggu lalu.

Katanya, usaha itu juga dilaksanakan bagi memas-

takan selepas ini tiada lagi pasangan suami isteri perlu membuat permohonan semula bagi membetulkan nama anak angkat mereka.

"JPN menerima kira-kira lima panggilan sehari daripada pasangan suami isteri atau keluarga angkat yang bertanyakan prosedur betul untuk menamakan anak angkat mereka.

"Bagi mereka yang sudah menggabungkan nama anak angkat dengan bapa angkat sebelum ini, kami menasihatkan dan akan membantu mereka membuat permohonan membetulkannya," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Sebelum ini, Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Prof Datuk Dr Abdul Shukur Husin, menegaskan amalan itu bukan saja bercanggah hukum syarak, malah boleh menimbulkan pelbagai masalah, termasuk dari segi pergaulan dalam keluarga angkat serta pembahagian harta pusaka.

Jainisah berkata, JPN juga akan memastikan pasangan mengambil siji anak angkat atau yang mengemukakan permohonan fatwa berhubung perkara ini.

Sumber : hm@bharian.com.my

- (i) Berdasarkan petikan akhbar di atas, terangkan **dua** akibat mengabaikan prosedur menasabkan anak angkat kepada bapa kandung. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah



- (ii) Ahmad dan Aminah telah berkahwin selama 10 tahun namun masih belum dikurniakan zuriat. Mereka berhajat untuk mengambil seorang anak angkat. Namun mereka merasa bimbang tentang masalah pergaulan yang akan timbul pada masa akan datang.

Cadangkan bagaimana mereka boleh mengatasi masalah tersebut.

[4 markah]

- (c) (i) Wali ialah orang yang berkuasa mengahwinkan seseorang perempuan. Jelaskan **dua** sebab kuasa wali nasab berpindah kepada wali hakim. [4 markah]

- (ii) Nyatakan hukum dan alasan bagi masalah berikut.

Fatihah telah berkahwin dengan Aidil semasa sedang belajar di luar negara dengan menggunakan wali hakim.

[2 markah]

- 3 (a) (i) Khulafa' ar-Rasyidin adalah sahabat yang sentiasa mendampingi dan mendapat didikan daripada Rasulullah SAW.

Jelaskan **dua** ciri kepimpinan Khulafa' ar-Rasyidin.

[4 markah]

- (ii) Terangkan **dua** akibat membelakangkan kepimpinan Khulafa' ar-Rasyidin.

[4 markah]

- (b) Syeikh Muhammad Abduh menggunakan pelbagai metode yang sesuai untuk menyampaikan idea islah kepada masyarakat Islam.

- (i) Terangkan **dua** metode tersebut.

[4 markah]

- (ii) Jelaskan faktor beliau melakukan pengislahan dalam sistem pendidikan.

[2 markah]

- (c) (i) Berzikir ialah mengingati Allah dengan hati, lisan dan perbuatan. Nyatakan **dua** adab berzikir.

[2 markah]

- (ii)

Maksud hadis Rasulullah SAW:

Daripada Abu Hurairah r.a. sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda, "Barangsiapa yang membaca *Subhanallah wa Alhamdulillah* pada satu hari seratus kali, dihapuskan kesalahannya sekalipun seperti buih di lautan."  
( Hadis riwayat Bukhari )

Sebagai seorang pelajar, apakah tindakan anda bagi mendapat kelebihan seperti yang dinyatakan dalam hadis di atas.

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah



- 4 (a) (i) Terangkan **dua** faktor kegemilangan Kerajaan Bani Abbasiyah. [4 markah]
- (ii) Tindakan Khalifah Abu Jaafar bin Mansur memindahkan pusat pemerintahan dari Damsyik ke Baghdad menggiatkan aktiviti ekonomi kerana Baghdad memiliki beberapa keistimewaan.  
Jelaskan **dua** keistimewaan tersebut. [4 markah]
- (b) Al-Imam Ahmad bin Hanbal terkenal sebagai seorang yang sangat mementingkan pendapatan yang halal.
- (i) Jelaskan bukti beliau bersifat sedemikian. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kehebatan beliau. [4 markah]
- (c) (i) Apakah maksud pemimpin? [2 markah]

(ii)



Bagaimanakah anda merealisasikan ungkapan di atas? Huraikan. [4 markah]

### KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

[Lihat halaman sebelah